

SULIT

NAMA :

NO. K.P

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL
43100 HULU LANGAT
SELANGOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

2280/1

TINGKATAN LIMA
GEOGRAFI
KERTAS 1
NOVEMBER 2021

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

2280/1
SULIT

[Lihat halaman sebelah

1 Rajah 1 menunjukkan struktur bumi.



Rajah 1

- Terdapat arus perolakan
- Proses hanyutan benua berlaku

Penyataan di atas dapat dikaitkan dengan lapisan yang bertanda

- A I
- B II
- C III
- D IV

2 Peta 1 menunjukkan taburan batuan di Malaysia.



Peta 1 MALAYSIA

Apakah taburan batuan di lokasi yang berlorek?

- A Batu granit
- B Batu marmar
- C Batu pasir
- D Batu konglomerat

3 Kombinasi manakah yang **benar** tentang batuan dan proses pembentukannya?

	Batuan	Proses Pembentukan Batuan
A	Granit	Penyimenan bahan
B	Kuarzit	Tekanan dan suhu tinggi
C	Gypsum	Pemejalan magma
D	Marmar	Penyejukan lava

4 Apakah proses luluh hawa yang membentuk muka bumi yang berikut?

- Stalaktit
- Stalagmit

- A Tindakan ibun
B Pengkarbonan
C Pelepasan tekanan
D Penghabluran garam

5 Bagaimanakah **aktiviti manusia** boleh menyebabkan proses luluh hawa giat berlaku?

- I Ekopelancongan
II Perikanan air tawar
III Pengkuarian di bukit
IV Pembinaan lebuh raya

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Mengapakah risiko tanah runtuh kerap berlaku pada musim hujan?

- A Tanah menjadi gersang
B Bilangan sungai bertambah
C Tumbuhan tidak menyerap air
D Isipadu air dalam tanah meningkat


- 7 Foto 1 menunjukkan kejadian gerakan jisim.



Foto 1

Apakah kaedah yang boleh mengurangkan risiko kejadian gerakan jisim dalam **foto 1**?

- A Membina gabion
 - B Meratakan bukit
 - C Melebarkan jalan
 - D Menambak tanah
- 8 Rajah 2 menunjukkan pembentukan bentuk muka bumi akibat tindakan hakisan.



Rajah 2

Apakah bentuk muka bumi yang dihasilkan di **X**?

- A Jeram
 - B Tasik ladam
 - C Lubuk tunjam
 - D Dataran banjir
- 9 Manakah merupakan **indikator pencemaran air dari segi fizikal**?
- A Nilai keasidan
 - B Perubahan warna
 - C Kehadiran plankton
 - D Kehadiran bahan organik

- 10 Foto 2 menunjukkan pandang darat fizikal pinggir pantai.




Foto 2

Apakah bentuk muka bumi bertanda **X** dalam Foto 2 di atas?

- A Beting pasir
- B Anak tanjung
- C Gerbang laut
- D Batu tunggul

- 11 Apakah **proses hakisan tindakan ombak** yang berlaku?

Ombak memasuki celah-celah rekahan batuan dan melebarkan rekahan tersebut

- A Tindakan hidraul
- B Tindakan lelasan
- C Tindakan lagaan
- D Tindakan larutan

- 12 Apakah yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan berikut?

- New York, Amerika Syarikat
- Paris, Perancis

- I Jaringan pengangkutan yang moden
- II Tanah subur untuk pertanian
- III Kawasan yang bersaliran baik
- IV Kemudahan sosial yang lengkap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


13 Mengapakah **kawasan tundra** mempunyai **penduduk jarang**?

- A Iklim panas yang melampau
- B Iklim sejuk yang melampau**
- C Kawasan berpayau
- D Kawasan tanah tinggi

14 Antara berikut, yang manakah menunjukkan **kadar pertumbuhan penduduk yang paling tinggi**?

	Kadar Kematian Kasar	Kadar Kelahiran Kasar
A	40	50 =10
B	50	45=-5
C	30	50=20
D	40	40=0

15 Rajah 3 menunjukkan piramid penduduk



Rajah 3

Rajah 3 di atas berkaitan dengan keadaan di negara yang mengalami

- A kanak-kanak ramai
- B kurang generasi tua
- C kadar kelahiran tinggi
- D kadar kelahiran rendah**

16 Peranan agensi-agensi kerajaan di bawah telah menyebabkan berlakunya migrasi

- FELDA
- KEJORA

- A luar bandar ke luar bandar
- B luar bandar ke bandar
- C bandar ke luar bandar
- D bandar ke bandar

17 Maklumat berikut menunjukkan jumlah migran di Malaysia dalam pelbagai sektor.

2.2 juta warga asing bekerja di Malaysia pada tahun 2017 dalam sektor pertanian dan pembinaan.

Sumber: Bernama, Oktober 15, 2018

Apakah kesan migrasi tersebut terhadap ekonomi Malaysia?

- I Meluaskan pasaran barangan buatan Malaysia
- II Pertambahan kepadatan penduduk
- III Persaingan peluang pekerjaan
- IV Pengaliran keluar mata wang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Antara berikut, manakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di bawah?

- Amalan adat dan status quo
- Perkahwinan awal

- A Kadar kematian menurun
- B Kadar kelahiran meningkat
- C Migrasi dalaman bertambah
- D Pertumbuhan penduduk menurun

19 Maklumat di bawah dapat dikaitkan dengan hierarki petempatan

- Jumlah populasi melebihi 3,000,000 orang
- **Boston-Washington (Bos-Wash)**
- **SANSAN, California**
- Shanghai

- A** **Megalopolis**
- B** Metropolis
- C** Bandar raya
- D** Bandar

20 Apakah **faktor** yang mempengaruhi perkembangan bandar-bandar berikut?

- Tanjong Malim, Perak
- Bandar Baru Bangi, Selangor

- A** Terdapat pusat pengajian tinggi
- B** Berhampiran pelabuhan kontena
- C** Kegiatan perlombongan bijih timah
- D** Pusat pengumpulan hasil pertanian

21 Kombinasi yang manakah benar tentang **masalah pembandaran dan langkah mengatasinya?**

	Masalah pembandaran	Langkah mengatasi
A	Banjir kilat	Membina bangunan bertingkat
B	Kesesakan lalu lintas	Menggunakan bulatan
C	Masalah setinggan	Membina bandar baru
D	Peningkatan suhu	Mewujudkan kawasan hijau

22 Apakah kesan sosial yang berlaku jika proses pembandaran tidak dirancang dengan baik?

- A** Pencemaran tanah
- B** Berlakunya banjir kilat
- C** Kejatuhan nilai mata wang
- D** **Peluang pekerjaan yang terhad**

23 Jadual 1 menunjukkan suhu di stesen X.


Bandar	Kuala Lumpur
Suhu maksimum	32°C
Suhu Minimum	24°C

Jadual 1 : Suhu di Stesen X, Kuala Lumpur

Berapakah **julat suhu** tahunan Stesen X?

- A 2°C
- B 4°C
- C 6°C
- D 8°C**

24 Rajah 4 menunjukkan fenomena cuaca dan iklim.



Rajah 4

Apakah X?


- I Kemusnahan tanaman
 - II Kekurangan bekalan air
 - III Mengancam nyawa manusia
 - IV Pertambahan makanan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III**
 - D III dan IV

25 Antara yang berikut, kombinasi manakah benar?

	Zon	Jenis Iklim
I	Panas	Khatulistiwa
II	Sejuk	Mediterranean
III	Panas Sederhana	Tundra
IV	Sejuk Sederhana	Siberia

- A I dan II
- B I dan IV**
- C II dan III
- D III dan IV

26 Rajah 5 menunjukkan aktiviti manusia terhadap cuaca dan iklim.



Rajah 5

Kesan aktiviti di atas menyebabkan

- I pernafasan terganggu
- II pencairan ais di kutub
- III peningkatan aras laut
- IV pencemaran air

- A I dan II
- B I dan IV**
- C II dan III
- D III dan IV

27 Antara berikut, manakah **kegiatan manusia** yang menyebabkan kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar ?

- I Penghutan semula
- II Pembangunan hutan
- III Pembinaan empangan
- IV Pembukaan ladang pertanian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

28 Berikut adalah ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi.

- Lantai hutan padat
- Daun pokoknya gugur pada musim kering
- Berakar tunjang

Kawasan berlorek yang manakah dalam Peta 2 berkaitan dengan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan di atas ?



Peta 2 : DUNIA

29 Apakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam ekosistem?

- I Melindungi kawasan terumbu karang
- II Melindungi haiwan daripada pengurai
- III Membentuk habitat kepada hidupan liar
- IV Membekalkan makanan kepada pengguna primer

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

30 Foto 3 menunjukkan sejenis hidupan liar di Malaysia.



Foto 3

Bagaimanakah kerajaan Malaysia melaksanakan **langkah pemuliharaan hidupan liar** dalam foto 3 di atas?

- A Penguatkuasaan undang-undang (pemeliharaan)
- B Pendidikan alam sekitar (pemeliharaan)
- C Mewujudkan pusat konservasi (pemuliharaan)**
- D Mengadakan kempen kesedaran (pemeliharaan)

31 Foto 4 menunjukkan aktiviti penerokaan sumber semula jadi.



Foto 4

Apakah kepentingan aktiviti tersebut kepada pembangunan ekonomi di Malaysia?

- A Memajukan industri automotif
- B Menstabilkan harga bahan api
- C Memajukan industri petrokimia**
- D Mewujudkan kawasan pembiakan ikan

32 Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan tenaga biojisim?

- I Arang batu
- II Sisa pertanian
- III Sisa haiwan
- IV Uranium

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Apakah kesan kebergantungan sumber tenaga tidak boleh baharu kepada sesebuah negara?

- A Bekalan sumber akan kehabisan
- B Aktiviti ekonomi semakin meningkat
- C Pencemaran alam sekitar dikurangkan
- D Bekalan sumber tenaga berterusan

34 Berikut adalah bentuk muka bumi fizikal di Malaysia

- Air terjun
- Gua batu kapur

Apakah jenis pelancongan yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A Ekopelancongan
- B Agropelancongan
- C Pelancongan bertema
- D Pelancongan budaya dan warisan

35 Apakah jenis tanaman yang sesuai dengan faktor di bawah?

- Kawasan tanah pamah
- Jenis tanah gambut

- A Padi
- B Nanas
- C Tembakau
- D Kelapa sawit

- 36 Apakah **faktor governan** yang mempengaruhi perkembangan **sektor pembuatan** di Malaysia?
- A Kuasa beli yang tinggi
 - B Banyak bekalan bahan mentah
 - C Kemasukan tenaga buruh asing
 - D Mewartakan zon perdagangan bebas**
- 37 Mengapakah kegiatan ekonomi automotif boleh berkembang pesat di negara Jepun?
- A Subsidi daripada pihak kerajaan
 - B Bekalan tenaga buruh yang ramai
 - C Teknologi dalam kejuruteraan robotik**
 - D Kawasan tanah pamah yang subur
- 38 Apakah tujuan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar?
- A Menentukan lokasi yang bersesuaian
 - B Mengelakkan pencerobohan kawasan hutan
 - C Memberi kesedaran alam sekitar kepada pihak pemaju
 - D Mengenalpasti kesan pembangunan ke atas alam sekitar**
- 39 Apakah kesan pembinaan di bawah terhadap kawasan pinggir laut?
- Sebuah hotel bertaraf lima bintang akan dibina di atas kawasan penambakan laut
- A Perubahan aras laut
 - B Habitat akuatik terganggu**
 - C Kekuatan ombak berkurangan
 - D Pertambahan hutan paya bakau
- 40 Apakah langkah yang dilakukan oleh pihak MARDI bagi memastikan aktiviti pertanian yang **lestari**?
- A Meningkatkan subsidi
 - B Menghasilkan baja organik**
 - C Membuka lebih banyak pelaburan
 - D Menggalakkan penggunaan mesin

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Disediakan oleh

.....
Hamidah bt Maksom
Guru Geografi Tg5

Disemak oleh

.....
Noorazah bt Abd Hamid
Ketua Panitia Geografi

Disahkan oleh

.....
Zahana bt Hamzah
PK Pentadbiran

